

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(B)18

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

18. Berapakah kapasiti bagi Loji Rawatan Air (LRA) Toh Alang dan senaraikan kawasan yang menggunakan bekalan air ini.
- (a) Bagaimana kerajaan memastikan bahawa pencemaran Sungai Kulim tak menjejaskan kualiti air dari LRA ini?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. Kapasiti pengeluaran terkini di Loji Rawatan Air (LRA) Bukit Toh Alang ialah sekitar 37 juta liter sehari (JLH) dan kawasan yang terlibat bagi pembekalan bagi LRA Bukit Toh Alang seperti berikut:

Bil	Kawasan DUN Penanti	Kawasan DUN Berapit
1	Kampung Pelet	Kampung Besar Berapit
2	Padang Ibu	Kampung Humna
3	Taman Guar Perahu	Kampung Tok Elong
4	Mengkuang Mak Sulong	Berapit Camp
5	Guar Jering	Perkampungan Berapit

6	Kampung Terus	Kampung Berapit
7	Bukit Berangan	Taman Mutiara Indah
8	Labuh Banting	Taman Pearl
9	Kubang Ulu	Klinik Kesihatan Berapit
10	Oren Hartamas	Bukit Noning
11	Taman Seri Mengkuang	Jalan Aston
12	Taman Sri Akasia	Kampung Aston
13	Kampung Kuala Mengkuang	Taman Aston
14	Mengkuang Titi	Jalan Arumugam Pilai
15	Teluk Wang	Jalan Kulim
16	Ara Kuda	Taman Tenang
17	Kampung Tun Sardon	Taman Jernih
18	Mengkuang Sekolah	Kampung Baru
19	Mengkuang Semarak	Pusat Perniagaan Maju Utama
20	Mengkuang Sungai Lembu	Taman Permata
21	Sungai Lembu	
22	Mengkuang Berapit	
23	Kampung Tok Elong	
24	Tanah Liat Mk 9	

25	Tanah Liat Mk 8, Jalan Berapit	
26	Jarak	
27	Lubok Batu	

- (a) Pemantauan dilaksanakan secara bersepadu melalui beberapa Agensi dan Jabatan Kerajaan seperti Bahagian Kawal Selia Air (BKSA), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) dengan menjalankan pemeriksaan sanitari dan pengambilan sampel air secara berkala bagi memastikan kualiti air di Sungai Kulim berada dalam keadaan yang baik dan kualitinya menepati piawaian yang telah ditetapkan oleh KKM untuk air selamat diminum.

Sekiranya didapati kualiti air berada di tahap yang tidak selamat untuk diminum maka LRA akan diberhentikan dan siasatan dilaksanakan untuk mengenal pasti punca pencemaran. Bagi memastikan kualiti sungai sentiasa berada pada tahap optimum dan tidak menjejaskan kualiti air untuk tujuan bekalan air Kelada loji pembersihan air, Jabatan Alam

Sekitar melaksanakan Program Pengawasan Kualiti Alam Sekitar (EQMP) khusus kepada pemantauan kualiti air sungai. Di bawah program EQMP ini, pemantauan kualiti air sungai dilaksanakan melalui persampelan *in-situ* dan *ex-situ* di stesen kualiti air automatik yang terletak di hulu muka sauk loji rawatan air bagi mendapatkan bacaan parameter utama kualiti air. Bagi Sungai Kulim, stesen pengawasan automatik ini terletak di Kampung Tun Sardon dengan jarak lebih kurang 1km daripada muka sauk Toh Alang. EQMP juga merupakan program yang boleh memberikan amaran awal pencemaran di sungai ini dan memerlukan tindakan siasatan oleh Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang bagi mengenal pasti punca-punca pencemaran.